

FINAL EXAMINATION
NOVEMBER 2022

COURSE TITLE **PENGAJIAN MALAYSIA 2**

COURSE CODE **MPU2163**

DATE/DAY **18 FEBRUARY 2023 / SATURDAY**

TIME/DURATION **01:00 PM - 03:00 PM / 02 Hour(s) 00 Minute(s)**

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES :

1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of 9 Printed Pages including front page)

*****DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL YOU ARE TOLD TO DO SO*****

BAHAGIAN A

(20 Markah)

Bahagian ini mengandungi DUA PULUH (20) soalan aneka pilihan. Anda dikehendaki menjawab semua soalan yang dikemukakan dalam kertas OMR yang disediakan.

1. Antara pernyataan berikut, manakah yang **BUKAN** merupakan ciri-ciri sistem pentadbiran Negeri-negeri Selat?
 - A. Negeri-negeri Selat diketuai oleh Gabenor
 - B. Gabenor Negeri-negeri Selat yang pertama bernama Robert Fullerton.
 - C. Pentadbiran setiap negeri diketuai oleh Residen Konsular.
 - D. Singapura merupakan pusat pentadbiran Negeri-negeri Selat yang pertama.

2. Selepas berjaya menewaskan tentera Jepun, pihak British kembali ke Tanah Melayu untuk memperkenalkan sistem pentadbiran baru yang dinamakan sebagai _____.
 - A. Persekutuan Tanah Melayu
 - B. Kesatuan Malaya
 - C. Pertubuhan Negeri-negeri Melayu Bersatu
 - D. Sistem Residen

3. Selain perjuangan secara individu dan kelompok, gerakan nasionalisme di Tanah Melaya turut diperjuangkan melalui _____.
 - A. akhbar dan risalah
 - B. majalah dan risalah
 - C. akhbar dan ceramah
 - D. persatuan dan majalah

4. Berikut merupakan faktor-faktor yang mendorong pembentukan Malaysia **KECUALI** untuk _____.
- A. membela nasib masyarakat tempatan di Sabah dan Sarawak
 - B. mengekang ancaman komunis yang semakin berleluasa
 - C. memerdekakan wilayah-wilayah di bawah jajahan British
 - D. membentuk sebuah negara merdeka yang lebih besar dengan Tanah Melayu sebagai kuasa pusat.
5. Gabungan pedagang-pedagang Belanda membentuk Syarikat Bersatu Hindia Timur pada 20 Mac 1602 bertujuan untuk menguasai _____ di Kepulauan Tanah Melayu.
- I. Biji Timah
 - II. Rempah-ratus
 - III. Buah Pala
 - IV. Kayu Cengkih
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas
6. Pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah memberikan pelbagai kesan terhadap masyarakat tempatan, antaranya:
- I. Masyarakat tempatan mengalami masalah kesihatan.
 - II. Mata wang negara jatuh teruk.
 - III. Orang Melayu tidak mendapat peluang dan pengalaman dalam bidang pentadbiran.
 - IV. Pendudukan Jepun telah menaikkan semangat nasionalisme penduduk tempatan.
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas

7. Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang terhasil sejak kemerdekaan masih mengekalkan peruntukan-peruntukan penting dalam perlembagaan, seperti:
- I. Kedudukan Bahasa Melayu
 - II. Kedudukan Istimewa Raja-raja Melayu
 - III. Islam sebagai Agama Persekutuan
 - IV. Hak keistimewaan Bumiputera
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas
8. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep raja berperlembagaan?
- A. Raja atau Sultan tidak terlepas daripada penghakiman seperti yang termaktub di dalam perlembagaan.
 - B. Kuasa dan institusi Yang di-Pertuan Agong, Raja atau Sultan diwujudkan dan dipertahankan dan didasarkan kepada perlembagaan.
 - C. Yang dipertuan Agong mempunyai kedudukan tertinggi mengikut perlembagaan.
 - D. Raja berperlembagaan adalah warisan sejarah kesultanan Melayu yang dipermodenkan menerusi perlembagaan.
9. Pilihan raya di Malaysia diadakan 5 tahun sekali. Berikut merupakan fungsi utama pilihan raya diadakan **KECUALI** _____.
- A. menubuhkan sebuah kerajaan demokrasi
 - B. mengekalkan pucuk pimpinan
 - C. memilih calon untuk mengisi jawatan ahli dewan undangan negara
 - D. menguatkan kestabilan dan legitimasi dalam sesebuah organisasi

10. Sebelum pilihan raya diadakan, kempen pilihan raya akan dijalankan oleh mana-mana individu atau parti yang bertanding. Berikut merupakan rupa kempen pilihan raya yang diadakan **KECUALI** _____.
- A. pengedaran risalah
 - B. pengedaran surat
 - C. kempen dari desa ke desa
 - D. ceramah tertutup
11. Pilih jenis-jenis mahkamah yang diklasifikasikan sebagai mahkamah rendah?
- I. Mahkamah Sesyen
 - II. Mahkamah Majistret Kelas Kedua
 - III. Mahkamah Penghulu
 - IV. Mahkamah Juvana
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas
12. Selain berperanan untuk memperkenalkan dan menjalankan dasar untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan awam, Perdana Menteri juga bertanggungjawab untuk _____.
- I. Mengubah sikap pegawai perkhidmatan awam
 - II. Merapatkan hubungan sektor awam dengan swasta
 - III. Memastikan keselamatan dan keharmonian negara terjamin
 - IV. Menyediakan kemudahan infrastruktur awam yang mencukupi
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas

13. Kerajaan Persekutuan Malaysia mengamalkan sistem _____.
- A. autokratik demokrasi
 - B. demokrasi bermonarki
 - C. demokrasi berparlimen
 - D. demokrasi berperlembagaan
14. Pilih pernyataan yang tepat berhubung Dewan Rakyat.
- I. Keanggotaan ditentukan oleh Bahagian 4, Bab 4, Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
 - II. Pada masa kini (1999), jumlah keahliannya adalah seramai 222 orang.
 - III. Bertindak sebagai tempat untuk meluluskan rang undang-undang.
 - IV. Kesemua anggota dilantik oleh Yang Dipertuan Agong.
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas
15. Penubuhan Majlis Raja-raja selepas negara mencapai kemerdekaan telah dikanunkan mengikut perkara 38 Perlembagaan Persekutuan. Di antara fungsi dan tugas Majlis Raja-raja mengikut Jadual Kelima Perlembagaan ialah:
- I. Memilih Yang Dipertuan Agong dan Timbalan Yang Dipertuan Agong.
 - II. Melantik anggota-anggota mahkamah khas.
 - III. Mempersetujui atau tidak memersetujui apa-apa undang-undang.
 - IV. Meringankan hukuman-hukuman.
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas

16. Siapakah yang berkuasa membubarkan Parlimen?

- A. Yang di-Pertuan Agong
- B. Perdana Menteri
- C. Ketua Menteri
- D. Yang Dipertua Dewan Rakyat

17. - Merupakan suatu ajaran falsafah yang dipegang oleh sebilangan masyarakat masyarakat Cina Malaysia.
- Ajaran ini mengajarkan falsafah moral dan sosial berlandaskan nilai-nilai yang abstrak seperti kasih sayang, keamanan, keharmonian, kemanusiaan dan lain-lain.
- Pengasas ajaran ini di lahirkan di negeri Lu (Shantung) dan menjawat jawatan sebagai majestret dan menteri.

- A. Taoisme
- B. Konfusianisme
- C. Buddha
- D. Hindu

18. Seseorang yang ingin bertanding di dalam mana-mana pilihan raya mestilah memenuhi syarat-syarat tertentu **KECUALI** _____.

- A. merupakan warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia
- B. berumur tidak kurang 21 tahun
- C. tinggal di negeri di mana dia bertanding
- D. memegang jawatan berkepentingan 'office of profit'.

19. Antara ciri masyarakat majmuk menurut J.S. Furnival ialah:
- I. Terdapat pelbagai jenis manusia.
 - II. Masing-masing berpegang kepada kebudayaan, agama dan bahasa sendiri.
 - III. Hidup bercampur dan bersatu
 - IV. Hidup berdekatan dan bersama dalam satu sistem politik
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas
20. Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada masalah-masalah awal perpaduan kaum rakyat Malaysia, antaranya:
- I. Pemisahan tempat tinggal atau penempatan.
 - II. Perbezaan tumpuan tinggal atau penempatan.
 - III. Pengasingan sistem pendidikan.
 - IV. Pengaruh negara asal dan provokasi negara luar.
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas

BAHAGIAN B

(10 Markah)

Bahagian ini mengandungi DUA (2) soalan. Anda dikehendaki menjawab salah satu daripada soalan yang dikemukakan dalam buku jawapan yang disediakan.

1. Sistem pentadbiran dan pemerintahan negara masa kini berbeza dengan pentadbiran di zaman kesultanan Melayu Melaka. Bincangkan. **(10 markah)**
2. Intergrasi nasional merupakan suatu usaha yang sentiasa mendapat perhatian pihak kerajaan dalam dasar ekonomi dan sosial negara. Menurut pendapat anda, apakah **LIMA (5)** perkara yang wajar dilakukan oleh rakyat Malaysia untuk memperkasakan kesepaduan sosial dalam negara? **(10 markah)**


UNIRAZAK
UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK
Copying, modifying, or reprinting, is not permitted.